

MYUniMAP
Edisi XXXVI
BERITA

NORTHERN INDUSTRIAL CAREER ENGAGEMENT (NICE 3) 2018

Oleh : Mohd Basri Basir

PAUH PUTRA, 7 Mei – Sebanyak 35 syarikat dari pelbagai sektor industri termasuk 18 syarikat multinasional (MNC) telah mengambil bahagian dalam Karnival Kerjaya Northern Industrial Career Engagement (NICE 3) 2018 yang berlangsung di Kampus Alam Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) Pauh Putra di sini baru-baru ini.

Antara syarikat yang terlibat adalah Press metal Bintulu, Sakura Ferro Alloys dan OM Materials.

NICE 3 menggunakan konsep model "quadruple helix" iaitu melibatkan pihak kerajaan, industri, academia dan masyarakat dalam satu program khusus bagi mewujudkan jaringan hubungan yang akrab.

Majlis perasmian NICE 3 telah disempurnakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (AMMK) merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Chuping, Yang Berhormat Asmaiza Ahmad.

Turut hadir adalah Naib Canselor UniMAP, Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Ketua Pegawai Eksekutif Penang Skills Development Center, Muhamed Ali Hajah Mydin, dan Ketua Pegawai Eksekutif yang juga merupakan Pengasas Careertour (M) Sdn. Bhd., Ho Beng Han.

